

Perkasakan ummah: Dr M

BH - 22/12/2019 m/s 3

Negara Islam perlu berdikari, bekerjasama elak ditindas

Kuala Lumpur: Sidang Kemuncak Kuala Lumpur 2019 diharap menjadi langkah pertama dalam perjalanan jauh yang membuahkan hasil terbaik ke arah memperkukuhkan persaudaraan sesama Islam dan memperkasakan ummah, kata Tun Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri yang juga pengerusi sidang berkenaan, menyifatkan pertukaran 18 instrumen pelbagai bidang, yang dimuktamadkan sepanjang sidang empat hari bermula Rabu lalu itu sebagai satu permulaan baik.

“Antara lain, ia membabitkan sektor teknologi tinggi maju, kerjasama media, pusat kecemerlangan, keselamatan makanan dan program kepimpinan serta pertukaran belia.

“Ada lagi program sedang diusahakan berikutan perbincangan diadakan sempena Sidang Kemuncak Kuala Lumpur 2019, sekali gus menterjemahkan apa yang kita harapkan sebelum meluluskan sidang kali ini.

“Secara tidak langsung, ini membuktikan sidang ini dimanfaatkan bagi menyatu padukan ummah dan membangunkan mereka dengan berbekalkan teknologi maju yang strategik,” katanya berucap pada majlis penutup Sidang Kemuncak Kuala Lumpur 2019, yang disempurnakan Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah di sini, semalam.

Yang turut hadir, isteri Perdana Menteri, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali dan Timbalan Pengerusi Sidang Kemuncak Kuala Lumpur 2019, Tun Ahmad Sarji Abdul Hamid.

Dr Mahathir mengingatkan, Malaysia dan negara Islam lain juga tidak terkecuali boleh dizalimi dengan dikenakan sekatan seperti dihadapi Iran dan Qatar

ketika ini, jika tiada sifat berdikari serta bekerjasama sesama negara Islam bagi menangani permasalahan dihadapi.

“Sepanjang persidangan, kita dimaklumkan jika negara Islam mampu berdikari, kita tidak mungkin dilayan buruk. Sebagai contoh, Iran, walaupun negara ini dikenakan pelbagai sekatan bertahun lamanya, ia mampu berdikari sehingga menjadi negara keempat di dunia memiliki jumlah jurutera paling ramai.

“Seperti Iran, Qatar juga dikenakan sekatan tetapi berjaya mengatasinya, malah mampu maju dan membangun. Berikutan adanya negara bertindak secara bersendirian mengenakan sekatan dan larangan, Malaysia serta negara lain harus sedar kita juga mungkin menerima nasib sama.

“Ini harus mendorong kita berdikari, bekerjasama dengan negara Islam lain bagi memastikan kita dapat bertahan jika perkara sama dilakukan terhadap kita,” katanya.


Sidang kemuncak bertemakan ‘Peranan Pembangunan dalam Akses Kedaulatan Negara’ itu bertujuan membincang dan mencari jalan penyelesaian baharu lagi berkesan bagi menyelesaikan pelbagai masalah dihadapi dunia Islam, selain menyumbang ke arah meningkatkan kesejahteraan umat Islam serta negara Islam secara umum.

Ia menjadi pentas bagi kira-kira 450 peserta merangkumi pemimpin negara, pemimpin Islam, cendekiawan, ulama, pemikir dan bijak pandai dari 56 negara untuk berbicara serta bertukar pandangan isu berkaitan dunia Islam.

Dr Mahathir berkata, semua negara Islam perlu memberi tumpuan kepada perkembangan ekonomi dan sains, selain berusaha menghasilkan teknologi sendiri.

Katanya, menerusi teknologi dan kepakaran, negara Islam tidak lagi menjadi mangsa buli atau disisihkan musuhnya.

“Saya sudah mengusulkan cadangan untuk meneliti semula langkah memperkenalkan dinar



Dr Mahathir menyampaikan ucapan pada Majlis Penutupan Sidang Kemuncak Kuala Lumpur 2019 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur, semalam.
(Foto Eizairi Shamsudin/BH)



emas dan perdagangan meherusi konsep ‘barter’ (tukar barang) di antara negara Islam.

“Kita serius mengenai cadangan mewujudkan dinar emas dan konsep perdagangan ini dan berharap ia dapat dilaksanakan mengikut mekanisme yang bakal dirangka nanti,” katanya.

Sementara itu, Dr Mahathir sekali lagi menegaskan penganjuran sidang kemuncak itu bagi

mencari penyelesaian dan merangka program boleh membantu menyelamatkan umat Islam daripada masalah dihadapi mereka sekarang.

“Sidang kemuncak ini bukan untuk menggantikan mana-mana pentas orang Islam atau mencipta kategori baharu untuk negara Islam. Ini hanya perhimpunan sebilangan kecil negara Islam bagi membincangkan isu besar berkaitan Islam.

“Hasilnya, kita mengenal pasti tujuh teras perlu diberi tumpuan iaitu pembangunan dan kedaulatan, integriti dan tadbir urus, keadilan dan kebebasan, keamanan, keselamatan dan pertahanan, perdagangan dan pelaburan serta teknologi dan tadbir urus internet,” katanya.